

**PERBEZAAN PENGGUNAAN STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU
DALAM KALANGAN PELAJAR DI JERMAN BERDASARKAN JANTINA**

*(Gender Differences in the Use of Malay Language Learning Strategies Among
Germany Students)*

NOOR ZUHIDAYAH MUHD ZULKIFLI

Universiti Pendidikan Sultan Idris

nz_zul@yahoo.com**SITI SANIAH ABU BAKAR**

Universiti Pendidikan Sultan Idris

saniah@fbk.upsi.edu.my**Dihantar pada:**

10 Mac 2015

Diterima pada:

23 April 2015

Koresponden:nz_zul@yahoo.com

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk meneliti perbezaan penggunaan strategi pembelajaran bahasa antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan di Jerman semasa mempelajari bahasa Melayu di dalam kelas, di luar kelas dan semasa menghadapi peperiksaan. Seramai 44 orang pelajar di Pusat Pengajian Asia Tenggara, Universiti Goethe Frankfurt, Jerman terlibat dalam kajian ini. Data kajian dikumpul melalui instrumen soal selidik, kemudian dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 20 iaitu analisis deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar perempuan lebih kerap menggunakan strategi pembelajaran bahasa berbanding pelajar lelaki. Implikasi kajian ini dapat membantu para pelajar dan guru untuk mempelbagaikan strategi bagi meningkatkan tahap penguasaan pelajar terhadap bahasa Melayu.

Kata kunci: Strategi pembelajaran bahasa, bahasa Melayu, jantina

Abstract: This study intends to identify the Malay language learning strategies that used in the classroom, outside of the classroom and during Malay examination among students in Germany. This study also conducted to identify the differences in using Malay language learning strategies between male and female students. The participants of this study included 44 students at the Southeast Asian Studies, Goethe University Frankfurt, Germany. The data were collected through questionnaires and analyzed using SPSS version 20 by descriptive analysis. The results of this study revealed that female students used language learning strategies more often than male students. This study may help students and teachers to diversify strategies for improving the Malay language acquisition.

Keywords: language learning strategies, Malay language, gender

PENGENALAN

Bahasa Melayu (BM) ialah bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan di beberapa buah negara seperti di Malaysia, Brunei, Singapura dan Indonesia. Abad ini pula menyaksikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu (bahasa asing) yang disampaikan di luar negara. Buktinya terdapat beberapa institusi pengajian tinggi (IPT) antarabangsa yang menawarkan kursus Bahasa Melayu (BM), antaranya ialah Universiti Hamburg, Universiti Cologne, Universiti Bonn, Universiti Frankfurt atau kini lebih dikenali sebagai Universiti Goethe Frankfurt dan Universiti Passau di Jerman (Awang Sarian, 2011a).

Biarpun BM telah mendapat tempat dalam pasaran pendidikan antarabangsa sebagai bahasa asing, namun, terdapat beberapa perkara yang perlu diperbaiki terutamanya kesukaran menguasai BM dalam tempoh yang telah ditetapkan (Fai'zah, Mohamed Amin dan Zamri, 2010). Oleh itu, perlu ada satu pendekatan khusus bagi menangani masalah penguasaan bahasa pelajar. Menurut Zamri (2004), penggunaan strategi pembelajaran bahasa (SPB) dipercayai dapat meningkatkan penguasaan BM pelajar iaitu dengan hanya menggunakan SPB yang berkesan, pelajar-pelajar akan mencapai kejayaan dalam pembelajaran BM.

Oleh itu, satu penelitian khusus mengenai SPB dalam kalangan pelajar asing di luar negara khususnya di Jerman dilakukan. Hal ini kerana kajian Zamri, Jamaludin, Nik Mohd Rahimi, Mohamed Amin dan Sharala (2014) terhadap penggunaan SPB dalam kalangan pelajar asing di Malaysia yang mempelajari BM mendapati pelajar asing lebih menggemari strategi menggunakan kosa kata dalam usaha menguasai BM berbanding strategi mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Namun, bagaimana pula dengan SPB yang digunakan oleh pelajar asing di luar negara? Oleh yang demikian, kajian ini meneliti penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu (SPBM) dalam kalangan pelajar di Jerman berdasarkan jantina pelajar.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian mengenai penguasaan BM dalam kalangan pelajar asing sering kali mendapat respons negatif iaitu, pelajar-pelajar tidak atau kurang menguasai kemahiran berbahasa Melayu (Fa'izah, Mohamed

Amin dan Zamri, 2010 dan Ab. Razak dan Muhammad Saiful Haq, 2011). Fenomena ini telah menyebabkan pelbagai pendekatan digunakan oleh guru-guru untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa pelajar (Zamri dan Mohamed Amin, 2005a).

Kajian mengenai SPB boleh dikaitkan dengan beberapa faktor dan faktor perbezaan jantina merupakan salah satu faktor yang mendapat perhatian. Hal ini kerana terdapat perbezaan dapatan kajian-kajian lepas mengenai faktor jantina yang berkait dengan SPB. Hasil kajian Zamri (2004) menunjukkan pelajar lelaki lebih banyak menggunakan strategi berbanding pelajar perempuan. Manakala, dapatan kajian Oktay Aslan (2009) pula mendapati pelajar perempuan lebih banyak dan lebih kerap menggunakan SPB ketika mempelajari bahasa Inggeris berbanding pelajar lelaki. Kajian-kajian tersebut dilakukan di Malaysia dengan meneliti strategi pembelajaran bahasa Melayu (Zamri, 2004) dan Oktay (2009) meneliti strategi pembelajaran bahasa Inggeris di luar negara iaitu di Turki.

Namun, bagaimana pula dengan SPB yang digunakan oleh pelajar yang mempelajari BM di luar negara? Adakah faktor jantina turut mempengaruhi penggunaan SPB? Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mendapatkan penjelasan mengenai pengaruh jantina terhadap penggunaan SPBM.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa objektif utama iaitu:

1. Mengenal pasti perbezaan kekerapan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan semasa di dalam kelas (DDK);
2. Mengenal pasti perbezaan kekerapan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan semasa di luar kelas (DLK), dan
3. Mengenal pasti perbezaan kekerapan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan semasa menghadapi peperiksaan (SMP).

METODOLOGI

Kajian kuantitatif ini dijalankan di Pusat Pengajian Asia Tenggara, Universiti Goethe Frankfurt, Jerman. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang diubahsuai daripada Mohamed Amin dan terdiri daripada tiga bahagian iaitu Bahagian A, merangkumi 18 item mengenai SPBM semasa DDK, Bahagian B, merangkumi 31 item berkenaan SPBM semasa DLK dan Bahagian C, mengandungi 8 item mengenai SPBM untuk SMP.

Kajian rintis dilakukan terhadap 30 orang pelajar asing di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) yang mempelajari bahasa Melayu bagi mendapatkan kebolehpercayaan instrumen. Nilai alpha Cronbach yang diperoleh melalui kajian ini ialah 0.867 yang menunjukkan bahawa indeks kebolehpercayaan instrumen memuaskan. Menurut Guilford dan Fruchter (dalam Noraini, 2013), indeks kebolehpercayaan dalaman bagi sesuatu ujian adalah paling memuaskan jika bernilai sekitar 0.7. Oleh itu, instrumen ini boleh digunakan dalam kajian ini.

Seterusnya, kajian sebenar dijalankan terhadap 44 orang pelajar yang mengambil subjek BM di Universiti Goethe Frankfurt, Jerman. Kemudian, analisis deskriptif dilakukan terhadap data yang diperoleh bagi mendapatkan peratusan dan kekerapan bagi setiap item yang terdapat dalam instrumen.

DAPATAN KAJIAN

Dalam bahagian ini, dapatan kajian dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu perbezaan penggunaan SPBM antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan semasa DDK, DLK dan SMP.

Perbezaan Penggunaan SPBM Semasa DDK antara Pelajar Lelaki dengan Pelajar Perempuan

Jadual 1 menunjukkan perbezaan penggunaan SPBM antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan semasa DDK. Berdasarkan jadual tersebut, didapati jumlah pelajar perempuan yang menggunakan strategi pembelajaran bahasa Melayu semasa DDK lebih ramai berbanding pelajar lelaki. Walau bagaimanapun, jumlah pelajar perempuan yang lebih ramai berbanding pelajar lelaki juga perlu diambil kira kerana pelajar

perempuan diwakili oleh 28 orang pelajar, manakala, pelajar lelaki hanya diwakili oleh 16 orang pelajar sahaja. Oleh itu, perbandingan secara peratusan dilakukan bagi mendapatkan perbezaan kekerapan penggunaan SPBM antara kedua-dua jantina.

Jadual 1: Perbezaan penggunaan SPBM semasa DDK berdasarkan jantina pelajar

Item	Strategi	Jantina	Kekerapan dan Peratusan (%)			
			Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
A1	Saya membaca buku teks sebelum pelajaran bermula.	L	-	5 (31.25)	10 (62.5)	1 (6.25)
		P	4 (14.29)	6 (21.43)	14 (50.0)	4 (14.29)
A2	Saya melakukan latihan dalam buku teks/buku kerja terlebih dahulu	L	-	7 (43.75)	7 (43.75)	2 (12.5)
		P	5 (17.85)	8 (28.57)	9 (32.14)	6 (21.43)
A3	Saya duduk berhampiran dengan seseorang yang pandai dalam Bahasa Melayu.	L	5 (31.25)	2 (12.5)	6 (37.5)	3 (18.75)
		P	7 (25.0)	10 (35.71)	5 (17.85)	6 (21.43)
A4	Saya duduk di hadapan untuk mendapatkan perhatian guru.	L	3 (18.75)	7 (43.75)	3 (18.75)	3 (18.75)
		P	7 (25.0)	9 (32.14)	7 (25.0)	5 (17.85)
A5	Apabila guru sedang mengajar saya memberi sepenuh perhatian.	L	-	2 (12.5)	12 (75.0)	2 (12.5)
		P	-	3 (10.71)	17 (60.71)	8 (28.57)
A6	Jika saya tidak memahami penjelasan guru, saya meminta beliau mengulangnya.	L	1 (6.25)	6 (37.5)	7 (43.75)	2 (12.5)
		P	-	5 (17.85)	17 (60.71)	6 (21.43)
A7	Jika saya tidak memahami penjelasan guru, saya meminta rakan saya untuk menerangkan kepada saya.	L	-	2 (12.5)	5 (31.25)	9 (56.25)
		P	1 (3.57)	4 (14.29)	7 (25.0)	16 (57.14)
A8	Saya menawarkan diri untuk menjawab soalan yang ditanya oleh guru walaupun beliau tidak memanggil saya.	L	4 (25.0)	4 (25.0)	6 (37.5)	2 (12.5)
		P	1 (3.57)	7 (25.0)	17 (60.71)	3 (10.71)
A9	Saya menawarkan diri untuk menjawab soalan apabila	L	1 (6.25)	3 (18.75)	6 (37.5)	6 (37.5)
		P	1	10	8	9

			(3.57)	(35.71)	(28.57)	(32.14)	diri untuk bercakap bahasa Melayu di dalam kelas.	P	-	8	17	3
A10	saya pasti dengan jawabannya. Apabila guru bertanya soalan kepada pelajar lain, saya menjawabnya secara senyap.	L	2 (12.5)	3 (18.75)	8 (50.0)	3 (18.75)				8 (28.57)	17 (60.71)	3 (10.71)
		P	-	5 (17.85)	17 (60.71)	6 (21.43)						
A11	Jika saya tidak faham apa-apa perkataan yang digunakan semasa pengajaran, saya menggunakan kamus.	L	6 (37.5)	6 (37.5)	3 (18.75)	1 (6.25)						
		P	5 (17.85)	6 (21.43)	11 (39.29)	16 (50.0)						
A12	Ketika pengajaran Bahasa Melayu, saya bercakap dalam bahasa Melayu sahaja.	L	8 (50.0)	6 (37.5)	1 (6.25)	1 (6.25)						
		P	11 (39.29)	15 (53.57)	1 (3.57)	1 (3.57)						
A13	Jika saya tidak memahami sesuatu yang diajar di dalam kelas, saya meminta rakan-rakan menjelaskan kepada saya selepas kelas.	L	1 (6.25)	4 (25.0)	7 (43.75)	7 (25.0)						
		P	-	4 (14.29)	17 (60.71)	18 (50.0)						
A14	Saya mengulang kaji kerja-kerja yang dilakukan di dalam kelas selepas setiap kali pengajaran bahasa Melayu.	L	-	10 (62.5)	6 (37.5)	23 (62.5)						
		P	3 (10.71)	6 (21.43)	17 (60.71)	23 (60.71)						
A15	Semasa pengajaran berlangsung, saya mendengar dengan teliti cara guru bercakap dalam Bahasa Melayu.	L	-	5 (31.25)	7 (43.75)	24 (66.7)						
		P	-	10 (35.71)	9 (32.14)	9 (25.0)						
A16	Saya menterjemahkan apa-apa yang saya dengar semasa proses pembelajaran dalam bahasa pertama (contohnya Bahasa Jerman, Inggeris, Mandarin).	L	-	-	10 (62.5)	10 (37.5)						
		P	-	9 (32.14)	15 (53.57)	15 (43.8)						
A17	Jika saya tidak boleh menjawab soalan yang ditanya oleh guru, saya meminta bantuan daripada rakan-rakan yang duduk berhampiran.	L	-	6 (37.5)	6 (37.5)	16 (50.0)						
		P	1 (3.57)	2 (7.14)	17 (60.71)	16 (50.0)						
A18	Saya cuba memberanikan	L	1 (6.25)	7 (43.75)	5 (31.25)	12 (33.3)						

L – Lelaki P – Perempuan

Bagi mendapatkan peratusan penggunaan SPBM, kekerapan penggunaan SPBM dibahagikan kepada jumlah pelajar yang diwakili seperti 16 orang untuk pelajar lelaki dan 28 orang untuk pelajar perempuan, kemudian didarabkan dengan 100. Hasil peratusan yang dilakukan bagi setiap item menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kekerapan penggunaan SPBM pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Analisis menunjukkan pelajar perempuan lebih kerap menggunakan SPBM semasa DDK berbanding pelajar lelaki secara keseluruhannya iaitu daripada 18 item yang disenaraikan, 11 item digunakan oleh majoriti pelajar perempuan.

Berdasarkan analisis tersebut, tiga item yang kerap digunakan oleh pelajar perempuan ialah item A6, A13 dan A17. Item A6 berkenaan strategi meminta pengulangan daripada guru untuk mendapatkan penjelasan digunakan oleh 23 orang pelajar, item A13 iaitu *jika saya tidak memahami sesuatu yang diajarkan di dalam kelas, saya akan meminta rakan-rakan menjelaskan kepada saya selepas kelas* pula digunakan oleh 24 orang pelajar dan item A17 adalah mengenai strategi meminta bantuan daripada rakan-rakan apabila disoal oleh guru iaitu seramai 25 daripada 28 orang pelajar menggunakannya. Ketiga-tiga strategi yang digunakan ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan lebih kerap menggunakan strategi meminta pengulangan, penjelasan dan bantuan daripada guru dan rakan-rakan untuk memahami sesuatu perkara.

Manakala, item yang kerap digunakan oleh pelajar lelaki pula ialah A7, A9 dan A16. Item yang paling popular dalam kalangan pelajar lelaki ialah item A16 iaitu, *saya menterjemahkan apa-apa yang saya dengar semasa proses pembelajaran dalam bahasa pertama* dengan majoriti 16 orang pelajar bersetuju dengan item ini. Item A7 pula digunakan oleh 14 daripada 16 orang pelajar lelaki berkenaan strategi meminta penerangan daripada rakan apabila tidak memahami penjelasan guru dan item A9 iaitu *saya menawarkan diri untuk menjawab soalan apabila saya pasti dengan jawabannya* dengan majoriti 12

orang pelajar menggunakannya. Berdasarkan strategi yang digunakan oleh pelajar lelaki, dapat disimpulkan bahawa pelajar lelaki lebih menggemari strategi menterjemah, meminta penerangan daripada rakan-rakan dan menjawab soalan apabila pasti dengan jawapannya.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa item yang kurang digunakan oleh pelajar perempuan dan pelajar lelaki. Item yang kurang digunakan oleh pelajar perempuan ialah A1, A2 dan A4. Item A3 merupakan item yang paling sedikit digunakan oleh pelajar perempuan iaitu hanya 11 daripada 28 orang pelajar menggunakan strategi duduk berhampiran dengan seseorang yang pandai bahasa Melayu. Item A2 pula berkenaan strategi melakukan latihan dalam buku teks/ buku kerja terlebih dahulu digunakan oleh 15 orang pelajar sahaja dan item A4 iaitu *saya duduk di hadapan untuk mendapatkan perhatian guru* digunakan oleh 12 orang pelajar. Oleh yang demikian, pelajar perempuan kurang menggunakan strategi duduk berhampiran pelajar yang pandai BM, melakukan latihan dan duduk di hadapan semasa DDK.

Selain itu, terdapat tiga item yang digunakan sama banyak oleh pelajar lelaki dan pelajar perempuan iaitu item A5, A12 dan A15. Kedua-dua kumpulan pelajar ini menggunakan strategi memberi perhatian sepenuhnya ketika guru sedang mengajar (A5), dengan hampir kesemua pelajar menggunakannya. Pelajar lelaki dan pelajar perempuan di Jerman secara majoritinya juga turut mendengar dengan teliti cara guru bercakap bahasa Melayu (A15). Bagaimanapun, kedua-dua kumpulan pelajar ini didapati kurang menggunakan strategi bertutur dalam bahasa Melayu semasa dalam sesi pengajaran dan pembelajaran BM di dalam kelas (A12).

Justeru, terdapat beberapa item yang popular dalam kalangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan, begitu juga dengan item yang kurang popular dan kurang digunakan oleh kedua-dua kumpulan pelajar. Ada juga beberapa strategi yang digunakan sama banyak oleh pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Namun, secara keseluruhannya, pelajar perempuan lebih kerap menggunakan SPBM semasa DDK berbanding pelajar lelaki.

Perbezaan Penggunaan SPBM Semasa DLK antara Pelajar Lelaki dengan Pelajar Perempuan

Jadual 2, menunjukkan perbezaan penggunaan SPBM antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan semasa DLK. Berdasarkan jadual tersebut, didapati pelajar perempuan lebih kerap menggunakan strategi pembelajaran semasa mempelajari bahasa Melayu di luar kelas berbanding pelajar lelaki. Peratusan kekerapan penggunaan SPBM pelajar perempuan adalah lebih tinggi daripada peratusan kekerapan penggunaan SPBM pelajar lelaki. Daripada 31 item strategi yang dinyatakan dalam soal selidik, 22 strategi pembelajaran semasa DLK digunakan oleh majoriti pelajar perempuan, sedangkan pelajar lelaki hanya kerap menggunakan 9 strategi sahaja semasa mempelajari BM di luar kelas.

Jadual 2: Perbezaan penggunaan SPBM semasa DLK berdasarkan jantina pelajar

Item	Strategi	Jantina	Kekerapan dan Peratusan (%)			
			Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
B1	Saya bercakap bahasa Melayu dengan rakan-rakan saya di luar sekolah.	L	8 (50.0)	4 (25.0)	3 (18.75)	1 (6.25)
		P	14 (50.0)	8 (28.57)	4 (14.29)	2 (7.14)
B2	Saya bercakap bahasa Melayu dengan rakan-rakan saya di luar kelas pada waktu persekolahan.	L	8 (50.0)	5 (31.25)	2 (12.5)	1 (6.25)
		P	12 (42.85)	13 (46.42)	1 (3.57)	2 (7.14)
B3	Saya bercakap bahasa Melayu dengan guru-guru di luar kelas di sekolah.	L	10 (62.5)	4 (25.0)	2 (12.5)	-
		P	15 (53.57)	10 (35.71)	1 (3.57)	2 (7.14)
B4	Saya mengambil peluang untuk menggunakan bahasa Melayu dalam situasi kehidupan sebenar.	L	3 (18.75)	7 (43.75)	3 (18.75)	3 (18.75)
		P	9 (32.14)	7 (25.0)	8 (28.57)	4 (14.29)
B5	Saya menghadiri majlis/bengkel yang dikendalikan dalam bahasa Melayu apabila	L	6 (37.5)	3 (18.75)	7 (43.75)	-
		P	8 (28.57)	9 (32.14)	9 (32.14)	2 (7.14)

B6	berkesempatan	L	3 (18.75)	1 (6.25)	9 (56.35)	B13 (18.75)	Melayu. Saya bermonolog dalam bahasa Melayu.	L	9 (56.25)	6 (37.5)	-	1 (6.25)
	Ketika bercakap dalam bahasa Melayu saya memperbetulkan diri sendiri apabila saya tahu bahawa saya telah membuat kesilapan.	P	-	1 (3.57)	21 (75.0)	6 (21.43)	Saya berfikir dalam bahasa Melayu.	P	12 (42.85)	7 (25.0)	6 (21.43)	3 (10.71)
						B14		L	11 (68.75)	5 (31.25)	-	-
								P	15 (53.57)	7 (25.0)	5 (17.85)	1 (3.57)
B7	Ketika berbual dalam bahasa Melayu, jika saya tidak faham apa yang orang lain cakap, saya memintanya mengulanginya.	L	2 (12.5)	2 (12.5)	7 (43.75)	B15 (31.25)	Saya mengamalkan membaca dengan kuat untuk memperbaiki sebutan saya.	L	3 (18.75)	6 (37.5)	6 (37.5)	1 (6.25)
		P	-	6 (21.43)	16 (57.14)	6 (21.43)	Saya mendengar program radio berbahasa Melayu untuk meningkatkan kefahaman saya.	P	2 (7.14)	5 (17.85)	16 (57.14)	5 (17.85)
						B16		L	10 (62.5)	2 (12.5)	4 (25.0)	-
								P	12 (42.85)	9 (32.14)	3 (10.71)	4 (14.29)
B8	Apabila bercakap dalam bahasa Melayu, saya fikir apa yang saya mahu katakan dalam bahasa Melayu tanpa berfikir dalam bahasa pertama saya.	L	7 (43.75)	6 (37.5)	1 (6.25)	2 (12.5)	Saya mendengar lagu-lagu bahasa Melayu dan cuba untuk memahaminya maknanya.	L	7 (43.75)	4 (25.0)	4 (25.0)	1 (6.25)
		P	7 (25.0)	13 (46.43)	5 (17.85)	3 (10.71)	Saya mengingat lirik lagu-lagu bahasa Melayu.	P	14 (50.0)	4 (14.29)	5 (17.85)	5 (17.85)
							B19	L	7 (43.75)	7 (43.75)	1 (6.25)	1 (6.25)
								P	16 (57.14)	6 (21.43)	1 (3.57)	5 (17.85)
B9	Apabila bercakap dalam bahasa Melayu, saya berfikir apa yang saya mahu katakan dalam bahasa pertama saya dan kemudian menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu.	L	-	4 (25.0)	5 (31.25)	7 (43.75)	Saya melayari internet dengan menggunakan bahasa Melayu.	L	9 (56.25)	6 (37.5)	1 (6.25)	-
		P	2 (7.14)	6 (21.43)	11 (39.29)	9 (32.14)	Saya menulis surat/e-mel/mesej (seperti whatsapp/wechat/line/viber) dalam bahasa Melayu kepada rakan-rakan/saudaramara.	P	17 (60.71)	6 (21.43)	3 (10.71)	2 (7.14)
						B20		L	7 (43.75)	3 (18.75)	4 (25.0)	2 (12.5)
								P	15 (53.57)	4 (14.28)	3 (10.71)	6 (21.43)
B10	Apabila bercakap dalam bahasa Melayu, saya memastikan ayat tersebut betul sebelum menurutkannya.	L	1 (6.25)	4 (25.0)	6 (37.5)	5 (31.25)	Saya membaca akhbar/majalah bahasa Melayu untuk meningkatkan kefahaman membaca.	L	1 (6.25)	7 (43.75)	5 (31.25)	3 (18.75)
		P	1 (3.57)	6 (21.43)	14 (50.0)	7 (25.0)	Saya merujuk perkataan-perkataan yang saya tidak faham dalam kamus bahasa	P	-	8 (28.57)	17 (60.71)	3 (10.71)
B11	Saya merancang jadual supaya saya mempunyai masa yang cukup untuk mengulang kaji bahasa	L	3 (18.75)	5 (31.25)	5 (31.25)	B21 (18.75)		L	10 (22.7)	2 (12.5)	3 (18.75)	1 (6.25)
		P	4 (14.29)	8 (28.57)	12 (42.85)	4 (14.29)		P	13 (46.43)	10 (35.71)	3 (10.71)	2 (7.14)
B12		L	3 (18.75)	7 (43.75)	4 (25.0)	2 (12.5)		L				
		P	2 (7.14)	7 (25.0)	18 (64.29)	1 (3.57)		P				

B23	Melayu- bahasa Jerman. Apabila mencari perkataan-perkataan dalam kamus, saya merujuk kepada ayat ringkas.	L	2 (12.5)	5 (31.25)	6 (37.5)	Antara item yang popular dalam kalangan pelajar perempuan ialah B6, B25 dan B28. Majoriti pelajar perempuan iaitu seramai 27 orang pelajar menggunakan strategi <i>ketika bercakap dalam bahasa Melayu, saya memperbetulkan diri saya sendiri apabila saya tahu bahawa saya telah membuat kesilapan</i> (B6). Item B28 juga digunakan oleh pelajar perempuan secara majoriti iaitu seramai 27 orang pelajar menggunakan strategi <i>membaca novel/ buku cerita bahasa Melayu untuk memperbaiki tahap penguasaan bahasa Melayu mereka</i> . Pelajar perempuan juga didapati menggunakan item B25 secara majoritinya iaitu seramai 26 orang pelajar cuba meneka makna daripada konteksnya apabila menemui beberapa perkataan baharu. Oleh itu, pelajar perempuan lebih gemar menggunakan strategi memperbetulkan kesalahan sendiri apabila sedar mengenai kesalahan yang dilakukan, membaca novel dan buku cerita serta cuba meneka makna daripada konteksnya semasa di luar kelas sebagai usaha meningkatkan kefahaman bahasa Melayu.
		P	5 (17.85)	3 (10.71)	11 (39.29)	
B24	Saya cuba untuk menggunakan perkataan-perkataan baharu sebaik sahaja saya telah belajar/ membacanya.	L	3 (18.75)	6 (37.5)	6 (37.5)	Bagi pelajar lelaki pula, terdapat beberapa item yang kerap digunakan iaitu B7, B9 dan B10. Secara majoritinya, pelajar lelaki lebih kerap menggunakan item B7 iaitu <i>ketika berbual dalam bahasa Melayu, jika saya tidak faham apa yang orang lain cakap, saya meminta dia mengulangnya</i> dengan jumlah pelajar yang menggunakannya seramai 12 orang. Item B9 juga turut digunakan oleh 12 orang pelajar lelaki, iaitu strategi menterjemahkan apa yang difikirkan ke dalam bahasa Melayu apabila bercakap menggunakan bahasa Melayu. Di samping itu, pelajar lelaki juga didapati kerap menggunakan strategi <i>apabila bercakap dalam bahasa Melayu, saya memastikan ayat tersebut betul sebelum menuturkannya</i> . Justeru, strategi-strategi yang kerap digunakan oleh pelajar lelaki semasa DLK ialah meminta pengulangan, menterjemah dan memastikan sesuatu ayat itu betul sebelum menuturkannya.
		P	5 (17.85)	5 (17.85)	14 (50.0)	
B25	Apabila saya menemui beberapa perkataan baharu, saya cuba meneka makna daripada konteksnya	L	1 (6.25)	3 (18.75)	10 (62.5)	Selain itu, terdapat juga beberapa item yang kurang digunakan oleh pelajar perempuan. Antara item tersebut ialah B3, B22 dan B30. Item B3 merupakan item yang kurang digunakan oleh pelajar perempuan iaitu hanya seorang pelajar sahaja daripada 28 orang pelajar perempuan yang bercakap menggunakan bahasa Melayu ketika bersama guru-guru di luar kelas di sekolah. Seterusnya, item B30 iaitu strategi menggunakan
		P	2 (7.14)	2 (7.14)	18 (64.29)	
B26	Apabila membaca dalam bahasa Melayu, saya cuba memahami secara umum sebelum mencari makna dalam kamus.	L	1 (6.25)	2 (12.5)	9 (56.25)	
		P	1 (3.57)	2 (7.14)	17 (60.71)	
B27	Saya menyimpan senarai perbendaharaan perkataan-perkataan yang baru saya pelajari.	L	3 (18.75)	9 (56.25)	4 (25.0)	
		P	1 (3.57)	10 (35.71)	14 (50.0)	
B28	Saya membaca novel/buku cerita bahasa Melayu untuk memperbaiki bahasa Melayu saya.	L	-	5 (31.25)	6 (37.5)	
		P	1 (3.57)	3 (10.71)	12 (42.85)	
B29	Saya menulis esei di rumah pada bila-bila masa.	L	10 (62.5)	4 (25.0)	2 (12.5)	
		P	9 (32.14)	15 (53.57)	3 (10.71)	
B30	Saya menggunakan komputer untuk belajar bahasa Melayu.	L	12 (75.0)	3 (18.75)	1 (6.25)	
		P	12 (42.85)	13 (46.43)	1 (3.57)	
B31	Saya membuat nota untuk memudahkan saya mengingat.	L	5 (31.25)	5 (31.25)	3 (18.75)	
		P	4 (14.29)	7 (25.0)	12 (42.85)	

komputer untuk belajar bahasa Melayu hanya digunakan oleh 3 orang pelajar sahaja. Item B22 pula berkenaan strategi menggunakan kamus bahasa Melayu-bahasa Jerman untuk merujuk perkataan-perkataan yang tidak difahami, hanya digunakan oleh 5 orang pelajar sahaja. Oleh yang demikian, strategi yang kurang digunakan oleh pelajar perempuan semasa DLK ialah strategi bercakap menggunakan bahasa Melayu, penggunaan komputer dan kamus ketika mempelajari BM.

Selanjutnya, hasil analisis juga menunjukkan bahawa terdapat persamaan penggunaan SPBM semasa DLK antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Antara item yang digunakan sama banyak ialah B26 iaitu *apabila membaca dalam bahasa Melayu, saya cuba memahami secara umum sebelum mencari makna dalam kamus*. Strategi ini digunakan oleh majoriti pelajar baik pelajar lelaki mahupun pelajar perempuan. Item B2 pula jarang digunakan oleh kedua-dua kumpulan pelajar. Item tersebut merupakan strategi bercakap menggunakan bahasa Melayu bersama rakan-rakan semasa di luar kelas pada waktu persekolahan. Selain itu, item B16 iaitu strategi mendengar radio siaran bahasa Melayu juga kurang digunakan oleh kedua-dua kumpulan pelajar.

Secara keseluruhannya, pelajar perempuan didapati lebih kerap menggunakan SPBM semasa DLK berbanding pelajar lelaki. Namun, ada juga beberapa strategi yang sama digunakan oleh pelajar lelaki dan pelajar perempuan semasa mempelajari BM ketika DLK.

Perbezaan Penggunaan SPBM Semasa SMP antara Pelajar Lelaki dengan Pelajar Perempuan

Jadual 3 menunjukkan perbezaan penggunaan SPBM antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan semasa SMP. Jadual tersebut melaporkan pelajar perempuan lebih kerap menggunakan strategi pembelajaran bahasa Melayu untuk menghadapi peperiksaan berbanding pelajar lelaki. Berdasarkan analisis peratusan yang dilakukan, peratusan kekerapan penggunaan SPBM pelajar perempuan lebih tinggi berbanding peratusan kekerapan penggunaan SPBM pelajar lelaki semasa menghadapi peperiksaan. Pelajar perempuan dilaporkan menggunakan 7 daripada 8 strategi yang disenaraikan dalam soal selidik

berbanding pelajar lelaki yang hanya menggunakan 1 strategi untuk menghadapi peperiksaan.

Jadual 3: Perbezaan penggunaan SPBM semasa SMP berdasarkan jantina pelajar

Item	Strategi	Jantina	Kekerapan dan Peratusan (%)			
			Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
C1	Saya membaca nota atau latihan bahasa Melayu yang diberikan oleh guru.	L	-	6 (37.5)	7 (43.75)	3 (18.75)
		P	-	3 (10.71)	10 (35.71)	15 (53.57)
C2	Saya membaca banyak buku teks Bahasa Melayu.	L	-	4 (25.0)	7 (43.75)	5 (31.25)
		P	-	3 (10.71)	14 (50.0)	11 (39.29)
C3	Saya melakukan latihan tubi dalam buku latihan/buku kerja.	L	1 (6.25)	3 (18.75)	7 (43.75)	5 (31.25)
		P	1 (3.57)	3 (10.71)	10 (35.71)	14 (50.0)
C4	Saya mengingat format penulisan esei.	L	4 (25.0)	9 (56.25)	3 (18.75)	-
		P	6 (21.43)	12 (42.85)	9 (32.14)	1 (3.57)
C5	Saya cuba menjawab soalan daripada kertas peperiksaan tahun lalu.	L	-	5 (31.25)	8 (50.0)	3 (18.75)
		P	-	14 (50.0)	10 (35.71)	4 (14.29)
C6	Saya mengulang kaji buku-buku tatabahasa.	L	4 (25.0)	6 (37.5)	3 (18.75)	3 (18.75)
		P	7 (25.0)	9 (32.14)	10 (35.71)	2 (7.14)
C7	Saya menyertai kumpulan perbincangan.	L	4 (25.0)	8 (50.0)	4 (25.0)	-
		P	7 (25.0)	15 (53.57)	5 (17.85)	1 (3.57)
C8	Saya membaca semula nota yang dibuat.	L	1 (6.25)	3 (18.75)	8 (50.0)	4 (25.0)
		P	-	4 (14.29)	17 (60.71)	7 (25.0)

Antara strategi untuk SMP yang paling popular dalam kalangan pelajar perempuan ialah item C1, C2 dan C3. Item C1, *saya membaca nota atau latihan bahasa Melayu yang diberikan oleh guru* dan C2, *saya membaca banyak buku teks bahasa Melayu* digunakan oleh majoriti pelajar perempuan iaitu seramai 25 orang. Manakala, item C3 iaitu strategi melakukan latihan tubi dalam buku kerja/buku latihan yang digunakan oleh 24 orang pelajar perempuan. Ketiga-tiga strategi yang

digunakan ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan banyak membaca nota dan melakukan latihan sama ada dalam buku kerja mahupun buku latihan sebagai persediaan menghadapi peperiksaan.

Bagi pelajar lelaki pula, hanya satu sahaja strategi yang digunakan oleh majoriti pelajar sebagai persediaan menghadapi peperiksaan iaitu C5, *saya cuba menjawab soalan daripada kertas peperiksaan tahun lalu* dengan 11 orang pelajar menggunakannya. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar lelaki lebih kerap menggunakan strategi melakukan latihan berdasarkan kertas peperiksaan lepas berbanding strategi-strategi yang lain.

Selain itu, ada juga strategi yang jarang digunakan oleh pelajar perempuan iaitu C7 berkenaan strategi menyertai kumpulan perbincangan. Berdasarkan analisis yang dilakukan, hanya enam orang pelajar sahaja yang melibatkan diri dalam perbincangan secara berkumpulan dan selebihnya tidak menggunakan strategi ini. Hal ini menunjukkan bahawa strategi ini kurang popular dalam kalangan pelajar perempuan berbanding strategi semasa menghadapi peperiksaan yang lain.

Manakala, pelajar lelaki pula paling jarang menggunakan strategi C4 iaitu mengingat format penulisan esei. Hanya 3 orang pelajar sahaja yang menggunakan strategi ini. Pelajar lelaki juga didapati kurang menggunakan strategi mengulang kaji buku-buku tatabahasa dengan hanya 6 orang pelajar sahaja yang menggunakannya. Oleh yang demikian, strategi mengingat format penulisan esei dan mengulang kaji buku tatabahasa merupakan strategi yang kurang popular dalam kalangan pelajar lelaki. Walaupun begitu, terdapat satu strategi yang sama digunakan oleh pelajar lelaki dengan pelajar perempuan secara majoritinya. Strategi yang dimaksudkan ialah *saya membaca semula nota yang dibuat* (C8). Strategi ini digunakan oleh kedua-dua kumpulan sebagai persediaan untuk menghadapi peperiksaan.

Justeru, secara keseluruhannya pelajar perempuan didapati lebih kerap menggunakan SPBM berbanding pelajar lelaki sebagai usaha untuk mempersiapkan diri bagi menghadapi peperiksaan.

PERBINCANGAN

Hasil analisis mendapati terdapat perbezaan penggunaan SPBM antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan semasa DDK, DLK dan SMP. Analisis deskriptif menunjukkan pelajar perempuan lebih banyak menggunakan strategi semasa mempelajari BM baik semasa DDK, DLK mahupun SMP. Hal ini dapat diteliti berdasarkan peratusan kekerapan penggunaan strategi pelajar perempuan lebih tinggi berbanding peratusan kekerapan penggunaan strategi pelajar lelaki. Hasil dapatan ini turut menemukan dapatan yang sama seperti Oktay Aslan (2009), Bozinavic dan Sindik (2011) dan Zahra, Pantea dan Afshin (2014) iaitu pelajar perempuan lebih kerap menggunakan SPB berbanding pelajar lelaki.

Walaupun bagaimanapun, dapatan ini berbeza dengan dapatan yang diperoleh oleh Leyla Tercanlioglu (2004) dan Zamri (2004) yang mendapati pelajar lelaki lebih kerap menggunakan SPB berbanding pelajar perempuan. Dalam kajian Leyla Tercanlioglu, pelajar lelaki kerap menggunakan lima daripada enam strategi iaitu menggunakan semua proses mental, mengimbangi pengetahuan yang hilang, menyusun dan menilai pembelajaran dan belajar dengan orang lain berbanding pelajar perempuan yang lebih kerap menggunakan strategi yang berkait dengan emosi.

Manakala, dalam kajian Zamri pelajar lelaki didapati lebih banyak menggunakan SPB semasa mempelajari bahasa Melayu sama ada semasa DDK, DLK dan SMP berbanding pelajar perempuan. Pelajar lelaki juga dilaporkan lebih kerap menggunakan strategi bagi meningkatkan kemahiran mendengar, membaca dan menulis. Namun, pelajar lelaki dan pelajar didapati menggunakan SPB untuk kemahiran bertutur dengan sama banyak. Secara keseluruhannya, pelajar lelaki lebih banyak menggunakan SPB berbanding pelajar perempuan.

IMPLIKASIDANCADANGAN

Melalui kajian ini, pelbagai strategi pembelajaran bahasa Melayu boleh diaplikasikan semasa DDK, DLK dan SMP. Kepelbagaian penggunaan SPBM dapat membantu para pelajar untuk lebih menguasai BM. Kajian lanjut mengenai SPB boleh dijalankan dengan meneliti tahap pencapaian dan penguasaan bahasa Melayu pelajar agar strategi

yang berkesan dapat dikenal pasti, kajian SPB juga boleh diteliti bersama strategi pengajaran bahasa yang digunakan oleh para guru supaya strategi pengajaran dan pembelajaran yang tepat dapat dijadikan sebagai satu wacana ilmu kepada para guru dan pelajar. Pengkaji bahasa juga boleh melakukan kajian SPB bersama faktor-faktor lain seperti yang dinyatakan dalam model Ellis (1996) bagi memperkembangkan lagi kajian SPB.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian terhadap perbezaan kekerapan penggunaan SPBM antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan, didapati pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPBM berbanding pelajar lelaki sama ada ketika di dalam kelas, di luar kelas dan semasa menghadapi peperiksaan. Hal ini membuktikan bahawa pelajar perempuan di Jerman menggunakan pelbagai strategi dalam usaha menguasai bahasa Melayu, manakala, pelajar lelaki masih pada tahap sederhana dalam mempelbagaikan strategi pembelajaran mereka.

RUJUKAN

- Ab. Razak & Muhammad Saiful Haq. (2011). Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Pelajar Islamic Santitham Foundation School (ISFS). *Jurnal Pengajian Melayu*, 2 (2): 18-44.
- Awang Sariyan. (2011a). Kemajuan bahasa Melayu di peringkat kebangsaan dan antarabangsa: Cabaran dan pelan tindakan. Kertas kerja Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI), 12-14 Oktober 2011.
- Bozinavic, N. & Sindik, J. (2011). Gender differences in the use on language strategies in adult foreign language learners. *Metodicki Obzori*, 11: 5-20.
- Fa'izah Abd. Manan, Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2010). Kerangka pembangunan dan penilaian modul belajar cara belajar Bahasa Melayu pelajar asing Institusi Pengajian Tinggi. http://www.ukm.my/jtlhe/pdf/6%20-%20Fa%E2%80%99izah%20Abd.Manan_01.pdf
- Leyla Tercanlioglu. (2004). Exploring gender effect on adult foreign language learning strategies. *Issues in Educational Research*, 14. www.iier.org.au/iier14/tercanlioglu.html.
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Selangor: Mc Graw Hill Education.
- Oktay Aslan. (2009). A role of gender and language learning strategies in learning English (Thesis). Middle East Technical University, Turkey.
- Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2005a). Penggunaan strategi pembelajaran bahasa untuk menguasai kemahiran membaca. *Jurnal Teknologi*, 42 (E): 1-18.
- Zamri Mahamod. (2004). Strategi pembelajaran Bahasa Melayu di kalangan pelajar melayu sekolah menengah. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zamri Mahamod, Jamaludin Badusah, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi & Sharala Subramaniam. (2014). Penggunaan dan kekerapan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar warganegara asing. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4 (1): 25-35.
- Zahra, Pantea & Afshin. (2014). The differences between Iranian male and female students in using language learning strategies. *The International Journal of Education and Literacy Studies*, 2: 58-62.